



INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) DAN KERAJAAN SARAWAK JALIN KERJASAMA STRATEGIK **PERKUKUH NILAI INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH**

LIHAT MUKA SURAT 15

# KANDUNGAN

DALAM BULETIN IIM



14



15



10



12

- 3 BICARA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF Komited Membudayakan Integriti
- 4 Pembudayaan Integriti, Nilai Murni Tingkat Keyakinan Pelabur
- 6 Kerja Berpasukan Membantu Kemampunan Organisasi
- 8 "National Integrity Forum 2023: "Leading Governance With Integrity"
- 10 Majlis Perasmian Train-of-Trainer (ToT) bagi Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau Community Integrity Building (CIB IIM)
- 12 Majlis Ramah Mesra warga IIM bersama KPE baharu

- 13 Program SME BizChat
- 14 Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama Kerajaan Sarawak
- 15 Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Kerajaan Sarawak Jalin Kerjasama Strategik Perkukuh Nilai Integriti, Governans dan Anti Rasuah
- 18 Forum bertajuk "Leading Governance with Integrity" dalam Persidangan Integriti Kebangsaan (PiNK)
- 19 TEMU BUAL/LIPUTAN DI MEDIA
- 21 PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM
- 26 KUNJUNGAN HORMAT

## SIDANG REDAKSI



**PENAUNG DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IIM**  
YBhg. Datuk Nor Yahati Awang

**KETUA EDITOR**  
Puan Alice Suriati Mazlan

**JURUGAMBAR**  
Encik Mohamad Fakhru Firdaus Rosli

**EDITOR**  
Puan Norsheeda Din  
Cik Effa Fazira Azmi

**PENYUMBANG ARTIKEL**  
Puan Siti Nur Aisyah Binti Abdul Hamid

Diterbitkan setiap suku tahun oleh  
**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

Aras 3 & 6, Setia Perdana 5, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.iim.gov.my

BICARA KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF

## KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah meneruskan kerjasama erat bersama Kerajaan Sarawak dengan kejayaan penganjuran Majlis Amanat Perdana Integriti (MAP-i) 2023 dengan tema “Pertiwiku Berintegriti” pada 14 dan 15 September 2023. Majlis tersebut merupakan satu program utama Kerajaan Sarawak bagi memperkasakan agenda integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua masyarakat di pelbagai peringkat dan sempadan.


Jalinan kerjasama ini juga sejajar dengan amanat Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12) untuk memulihkan imej Malaysia pada peringkat antarabangsa, mengangkat darjatnya menjadi negara yang bermaruah dan anti rasuah.

Program ini juga dilihat bagi menyahut seruan kerajaan melalui akta yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti. Inisiatif ini akan menjadi medium terbaik sebagai panduan tata kelola bebas rasuah kepada semua entiti, baik dalam sektor awam ataupun swasta.

Selari dengan komitmen IIM yang sentiasa

**YBHG. DATUK NOR YAHATI AWANG**

Ketua Pegawai Eksekutif



### “Komited Membudayakan Integriti”

di Malaysia, IIM dan Kerajaan Sarawak telah melancarkan dua modul iaitu Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPS) dan Modul Integriti Kepimpinan Masyarakat (MIKM). Kedua-dua modul ini dibangunkan bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan sekaligus mewujudkan nilai pembangunan yang mampan kepada rakyat Sarawak.

Kedua-dua modul ini memfokuskan kepada golongan sasaran yang berbeza. **Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPS)** dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan pegawai penguat kuasa Sarawak mengenai integriti dan etika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Tiga (3) Submodul adalah Pengenalan Etika dan Integriti; Do The Right Thing vs Do Things Right; dan Pembudayaan Integriti dalam Organisasi.

### Kedua, Modul Integriti Kepimpinan Masyarakat (MIKM)

bertujuan untuk membantu Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) yang terdiri daripada Penghulu, Kapitan, Tuai Rumah dan Ketua Kampung dalam membina kompetensi asas bagi membentuk pemimpin masyarakat yang berintegriti, mempunyai kepimpinan yang baik serta mampu menjadi ikon kepada komuniti setempat.

Kerjasama strategik IIM dan Kerajaan Sarawak ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Pelbagai inisiatif yang telah dirangka bagi menyebarkan peranan IIM terutama sekali dalam memperkasakan pembudayaan nilai-nilai governans dan integriti perlu disambut baik di setiap peringkat di sektor awam dan swasta. IIM percaya sasaran kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia dalam tempoh 10 tahun dapat direalisasikan berasaskan nilai murni MADANI.



jatuh satu mata, iaitu daripada 48 mata pada 2021 kepada 47 mata (2022).

Secara asasnya, CPI menggambarkan bagaimana rasuah dilihat dalam sektor awam sesebuah negara. Ia berfungsi sebagai penunjuk global berkaitan tahap kepercayaan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap tadbir urus dan tahap rasuah sesebuah negara.

Ini bermakna meningkatkan CPI bukan sahaja menaikkan reputasi negara, bahkan memupuk persekitaran kondusif untuk pembangunan dan pelaburan mampan.

CPI 2022 dikira menggunakan 13 sumber data berkaitan rasuah daripada 12 institusi berbeza dalam tempoh dua tahun lalu, manakala dalam menentukan kedudukan dan skor Malaysia dalam CPI 2022, sebanyak sembilan sumber data digunakan TI.

Sumber itu ialah *Bertelsmann Stiftung Transformation Index*, *Economist Intelligence Unit Country Risk Service*, *Global Insight Country Risk Ratings*, *IMD World Competitiveness Center World Competitiveness Yearbook Executive Opinion Survey*, *Political and Economic Risk Consultancy Asian Intelligence*, *The PRS Group International Country Risk Guide*, *World Economic Forum Executive Opinion Survey*, *World Justice Project Rule of Law Index Expert Survey* dan *Varieties of Democracy (V-Dem)*.

Sesungguhnya, pelbagai pendekatan atau inisiatif pernah dijalankan kerajaan dalam memerangi rasuah dengan menyasarkan kedudukan tertentu negara dalam CPI. Namun hingga kini, didapati tiada usaha terancang, bersepadu dan berterusan serta agensi kerajaan khusus untuk melihat atau mengambil tanggungjawab bagi mengetuai usaha memperbaiki kedudukan negara dalam CPI.

Mungkin sesetengah pihak berpandangan CPI hanyalah satu indeks dibangunkan berlandaskan persepsi semata-mata hingga kita patut mengabaikannya

dengan hanya membanteras rasuah di negara ini dengan cara kita.

Namun, kita perlu ingat persepsi negara luar dan pelabur asing kepada negara kita berkaitan tahap perlakuan rasuah adalah bergantung kepada kedudukan negara dalam CPI. Kita juga perlu sedar sejak kebelakangan ini, kedudukan dan skor negara kita adalah pada tahap kurang memberangsangkan.

### Laksana pendekatan baharu perangi rasuah

“Sudah tiba masanya untuk kita menggunakan pendekatan baharu dalam menangani isu CPI ini. Pendekatan berkenaan mesti memberikan output dan impak dengan segera serta berkesan bagi memastikan kedudukan negara dalam CPI meningkat setiap tahun.”

Justeru, usaha untuk meningkatkan CPI Malaysia memerlukan satu mekanisme atau pendekatan baharu membabitkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil.

Ketiga-tiga pihak terbabit adalah pemegang taruh utama berperanan penting dalam usaha menegakkan integriti dan memperjuangkan amalan tadbir urus baik.

Sesungguhnya, usaha untuk meningkatkan CPI negara tidak boleh diletakkan di atas tanggungjawab kerajaan semata-mata. Semua pihak kena bersama-sama memikul tanggungjawab untuk meningkatkan imej dan persepsi luar kepada negara terutama berkaitan integriti, tatakelola dan rasuah.

Usaha untuk meningkatkan CPI bukanlah satu aspirasi yang mustahil untuk dicapai negara kita. Usaha murni ini tidak hanya terbatas kepada aspek pembanteras rasuah semata-mata, bahkan dijadikan satu matlamat nyata yang boleh dicapai melalui usaha bersepadu dan terancang

melalui penekanan kepada pembudayaan integriti dan tatakelola baik dalam masyarakat.

“Institut integriti Malaysia (IIM) sebagai institusi utama dalam membangunkan budaya integriti kini peranan untuk membantu mengukuhkan kapasiti dan kompetensi integriti serta tatakelola sektor awam dan swasta bagi membantu negara dalam merealisasikan objektif untuk menjadi negara dikenali kerana integriti, bukannya rasuah.”

Pada masa sama, IIM turut melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan integriti dalam pelbagai sektor dalam masyarakat. Antara inisiatif utama IIM ialah Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) membabitkan penyertaan sektor swasta dan sektor awam; Modul Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS); Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT), komuniti setempat dan pembekal perkhidmatan; Manual Seksyen Latihan 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi bagi kegunaan latihan untuk sektor swasta; dan Modul Integriti Penguat Kuasa (MPI) untuk latihan agensi penguatkuasa.

Oleh itu, penekanan terhadap penerapan dan pembudayaan integriti dan nilai murni secara berterusan dan terancang dalam kalangan masyarakat demi kelestarian negara amat perlu walaupun mengambil masa lama.

Paling penting, gerakan ini perlu bermula segera dengan mendapat kerjasama serta sokongan dan dokongan semua sektor dalam masyarakat. Berkaitan ini, IIM sentiasa komited dalam pembudayaan integriti dalam negara.

**Penulis adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM)**

RENCANA / ARTIKEL BERITA

# Kerja Berpasukan Membantu Kemampuan Organisasi

Oleh Siti Nur Aisyah Abdul Hamid



Kerjasama dalam pasukan ataupun kerja berpasukan memainkan peranan penting dalam kelestarian organisasi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, kerjasama ditakrifkan sebagai kerja (usaha dan sebagainya) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak). Justeru, kerja berpasukan ialah usaha kolaboratif yang disumbangkan oleh beberapa individu dalam kumpulan ke arah mencapai matlamat bersama atau menyelesaikan tugas dengan cara yang paling berkesan dan cekap. Terdapat pelbagai kemahiran kerja berpasukan yang perlu diterokai seperti komunikasi dalam pasukan, mengendalikan konflik, membina kreativiti, kepimpinan, dan membuat penilaian bagi membantu dalam kemampuan organisasi.

Keberkesanan kerja berpasukan terletak pada kemahiran komunikasi setiap individu didalam pasukan agar maklumat yang hendak disampaikan dapat diterima dan difahami dengan jelas. Komunikasi yang berkesan juga dapat membantu memastikan bahawa semua ahli pasukan memahami matlamat dan objektif yang hendak dicapai.

Apabila kita memperuntukan masa yang lama untuk membincangkan mengenai sesuatu projek dengan memerlukan sesi percambahan idea daripada rakan sepasukan, mencatat butiran, dan menjadikan idea-idea abstrak sebagai kenyataan, ketua pasukan hendaklah memainkan peranan penting bagi memastikan proses komunikasi dalam pasukan berkesan yang membolehkan semua pendapat ahli pasukan dilihat, didengar, dan difahami seterusnya mencapai keputusan yang terbaik. Komunikasi yang baik dapat menguatkan hubungan ahli pasukan dan seterusnya sentiasa membuat keputusan secara bersama.

“Sedangkan lidah lagi tergigit inikan pula hubungan sesama manusia” seperti itulah kerja berpasukan yang juga tidak lari daripada sebarang konflik yang kemungkinan timbul. Konflik adalah hal yang umum terjadi dalam hubungan persahabatan, keluarga, mahupun pekerjaan. Namun,

cara mengatasi konflik bukanlah hal yang mudah untuk dilakukan. Konflik adalah pertembungan pandangan, perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan lain-lain. Konflik di dalam kerja berpasukan adalah berpunca daripada perbezaan pengalaman, taraf pendidikan, ilmu dan pengetahuan. Konflik yang timbul perlu ditangani supaya tidak mengganggu momentum pemimpin, pasukan atau seluruh organisasi.

Oleh itu, kemahiran mengendalikan konflik dalam sesebuah organisasi tidak boleh dipandang enteng. Sifat hormat-menghormati dikalangan ahli pasukan serta pihak pengurusan atasan perlu wujud didalam sesebuah organisasi membolehkan setiap perbezaan pendapat atau idea-idea baru dilihat dari sudut pandangan yang berbeza dan difahami dengan lebih baik.

“Antara nilai-nilai lain yang perlu ada dalam kerja berpasukan bagi mengelakkan konflik adalah seperti tanggungjawab, saling percaya mempercayai, berkongsi idea, saling bantu membantu, bertolak ansur, dan musyawarah.”

Kemahiran kerja berpasukan yang seterusnya ialah membina kreativiti. Setiap individu mempunyai keupayaan kreativiti yang berbeza dan pasti akan membawa kepada hasil terbaik jika disatukan bersama. Apabila setiap kemahiran itu digabung, pasukan akan dapat menjana kreativiti bersama dan meningkatkan lagi peluang mendapatkan penyelesaian atau hasil terbaik serta meningkatkan kecekapan, produktiviti, dan kualiti kerja.

Antara kepentingan membina kreativiti dalam kerja berpasukan ialah membolehkan pasukan mencari penyelesaian baru dan inovatif untuk masalah yang dihadapi. Selain itu, kreativiti juga dapat meningkatkan motivasi, kepuasan kerja, meningkatkan hubungan antara ahli pasukan serta meningkatkan daya saing.

Seterusnya, keupayaan memimpin juga merupakan tulang belakang yang memainkan peranan penting dalam kerja berpasukan. Kepimpinan boleh merujuk kepada pengurusan atasan sesebuah organisasi dan juga pemimpin dalam sesebuah pasukan untuk mencapai spesifik objektif atau matlamat khusus yang dipertanggungjawabkan. Beberapa kepentingan kepimpinan dalam kerja berpasukan termasuklah mengarahkan pasukan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dan meningkatkan kepercayaan antara ahli pasukan.

Hal ini kerana, ketika pasukan merasa dipimpin oleh seseorang yang mereka percayai, mereka cenderung lebih terbuka dan bekerjasama dengan baik. Di samping itu, kepimpinan yang baik juga dapat membantu meningkatkan kecekapan kerja berpasukan. Seorang pemimpin yang berkesan dapat membantu memastikan bahawa semua ahli pasukan bekerja dengan efektif dan efisien.

Akhir sekali, pengukuran atau kemahiran penilaian prestasi pekerja dalam kerja berpasukan juga perlu dititik beratkan untuk memastikan kecekapan, produktiviti, peningkatan kualiti kerja, keupayaan pekerja untuk bekerja secara kolaboratif dan menyumbang kepada persekitaran pasukan yang positif.

Antara cara membuat penilaian dalam kerja berpasukan ialah menetapkan matlamat dan jangkaan prestasi yang jelas dan spesifik untuk pekerja, memberikan maklum balas yang konstruktif, serta memberikan

cadangan untuk penambahbaikan dan peningkatan diri.

Majikan juga boleh memberikan penghargaan atau ganjaran kepada pekerja yang mencapai matlamat dan jangkaan prestasi yang ditetapkan dalam membantu meningkatkan motivasi dan semangat pasukan disamping memberikan semangat dan sokongan kepada pekerja lain untuk terus komited dalam kerja berpasukan.

“Kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan jika dibandingkan dengan bekerja secara individu atau ‘silo’. Kerajaan juga telah lama menyeru Penjawat awam untuk memaksimumkan sumber jabatan, dan tidak hanya melihat secara jabatan masing-masing sahaja atau bekerja secara silo, sebaliknya bekerjasama antara satu sama lain selari pembaharuan dalam perkhidmatan awam negara.”

“Kerja berpasukan memberi peningkatan kemahiran, kekuatan, komitmen, pengetahuan dan penyesuaian yang membolehkan organisasi mencapai matlamat yang ditetapkan dan mampu mengekalkan pencapaian serta prestasi yang baik.”

**Penulis adalah Penolong Pegawai Seksyen Audit Dalam dan Governans (SADG), Institut Integriti Malaysia (IIM)**

# NATIONAL INTEGRITY FORUM 2023: “LEADING GOVERNANCE WITH INTEGRITY”



The inaugural National Integrity Forum 2023 (NIF 2023), jointly organized by IIM and the Malaysian Alliance of Corporate Directors (MACD), was launched on 31st July 2023 by YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi, Auditor General in Kuala Lumpur.

NIF 2023 serves as a platform for networking and knowledge sharing, bringing together distinguished guest speakers, moderators, and panellists to engage in meaningful discussions focused on the vital theme of “Leading Governance with Integrity”.

“Good corporate governance must be the mainstay for Malaysia. Good corporate governance practices are now becoming a necessity for every country and business enterprise, and are no longer restricted to the activities of public-listed corporations in advanced industrial economies. Amid growing international pressure for adherence to good corporate governance standards, it is imperative that our own local businesses take serious action to understand and adopt good standards of corporate governance” said YBhg. Datuk Wan Suraya in her opening speech.

“The expectations of corporate leadership in the private sector regarding good corporate governance varies based on different regulatory frameworks and jurisdictions. Ethical leadership goes beyond mere adherence to laws and regulations. It encompasses a set of values and principles that guide leaders





*in their decision-making processes and actions. An ethical leader is one who leads with integrity, empathy, and a genuine concern for the well-being of their employees, stakeholders, and the society at large.” said YBhg. Dato’ Yeow Wah Chin, IIM’s Board of Director.*

*“We have no lack of material resources to help us to embrace, internalise and execute the value propositions of Integrity to all sectors of our nation - not only in the corporate sectors. The biggest challenge, as various research indicate - it is remarkably clear that the foundation of corporate integrity is personal integrity - at all levels!” said Adj Prof Paul W Chan, President of MACD.*

*At the same event, YBhg. Datuk Wan Suraya witnessed the exchange of Memorandum of Understanding (MoU) between IIM and MACD to establish strategic cooperation including efforts to inculcate and preserve strong corporate integrity, governance and foundation for sustainable growth.*



*The forum was attended by more than 200 participants from the public and private sectors. NIF 2023 holds immense significance as it delves into the crucial role of integrity in governance and its profound impact on various sectors. Through insightful discussions, keynote speeches, and panel sessions, the forum aims to illuminate the importance of ethical leadership, business integrity risks*

*and compliance, as well as corporate sustainability with integrity.*

*The NIF 2023 featured an exceptional line-up of esteemed speakers. It is dedicated to creating an environment that encourages the exchange of ideas, insights, and experiences among leaders and professionals from diverse backgrounds.*

# CiB IIM<sup>TM</sup>

COMMUNITY INTEGRITY BUILDING  
PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)  
Menara INTEGRITI, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA

[www.iimgovmy](http://www.iimgovmy) [iimgovmy](https://www.facebook.com/iimgovmy) [iimgovmy](https://www.instagram.com/iimgovmy) [iimgovmy](https://www.linkedin.com/company/iimgovmy)



## Majlis Perasmian *Train-of-Trainer* (ToT) bagi **Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti** atau ***Community Integrity Building* (CIB IIM)**



YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak telah menyempurnakan Majlis Perasmian *Train-of-Trainer* (ToT) bagi Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building* (CIB IIM) 2023 pada 14 Ogos 2023 bertempat di Kuching, Sarawak.

Perasmian bengkel latihan *Train-of-Trainer* (ToT) ini merupakan komitmen Sarawak demi memastikan kelestarian program rintis CIB IIM akan dapat diperluaskan kepada seluruh Sarawak mulai tahun 2024. Pelaksanaan ToT CIB IIM ini bertujuan untuk melatih dan membangunkan kapasiti fasilitator tempatan yang akan memanfaatkan sebanyak 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sarawak.

Hadir sama pada majlis ini ialah YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman); YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM); wakil-wakil pengurusan IIM dan 26 PBT di Sarawak.





## Majlis Ramah Mesra warga IIM bersama KPE baharu

YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama seluruh warga IIM pada 15 Ogos 2023 bertempat di IIM, Putrajaya.

Beliau telah memulakan tugas secara rasmi sebagai KPE IIM pada 14 Ogos 2023, telah menzahirkan rasa penghargaan buat warga kerja IIM yang sentiasa komited dalam usaha meningkatkan pengamalan integriti dan tadbir urus baik negara.



Beliau berharap agar penerapan nilai-nilai integriti akan dapat diperhebatkan di masa akan datang sejajar dengan nilai teras Malaysia MADANI untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berintegriti.



## PROGRAM SME BIZCHAT

### SME BIZCHAT PROGRAM

IIM telah dijemput sebagai ahli panel jemputan dalam program SME BizChat yang berlangsung pada 7 September 2023 anjuran Affin Bank Malaysia Berhad di Pulau Pinang. IIM telah diwakili oleh Ahli Lembaga Pengarah, YBrs. Encik Mohd Salihin Othman. Beliau telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel bagi membincangkan topik bertajuk **“Empowering SMEs for a Sustainable Tomorrow”**.

Penganjuran program ini merupakan salah satu daripada inisiatif Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara IIM dan Affin Bank Malaysia Berhad telah menjadi penanda aras utama dalam usaha bagi memantapkan agenda integriti serta tata kelola baik antara kedua-dua pihak termasuk kepada syarikat korporat berkepentingan yang terlibat di program tersebut.

*IIM was invited as a guest panel member in the SME BizChat programme which took place on 7 September 2023 organised by Affin Bank Malaysia Berhad in Penang. IIM has been represented by a member of the Board of Directors, YBrs. Mr. Mohd Salihin Othman. He was invited as one of the panelists to discuss the topic entitled **“Empowering SMEs for a Sustainable Tomorrow”**.*

*The organization of this program is one of the Memorandum of Understanding (MoU) initiatives that have been signed between IIM and Affin Bank Malaysia Berhad which has become a key benchmark in efforts to strengthen the integrity and good governance agenda between both parties including the corporate stakeholders involved in the program.*

# Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama Kerajaan Sarawak

## *Memorandum of Understanding (MoU) signing ceremony between IIM and the Sarawak Government*

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara IIM bersama Kerajaan Sarawak yang diwakili Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) telah berlangsung pada 7 September 2023 di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma Bapa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg. Datuk Nor Yahati binti Awang telah mewakili IIM bagi menandatangani MoU tersebut manakala Kerajaan Sarawak diwakili oleh Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), YBrs. Tuan Haji Semawi Haji Mohamad. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YBhg. Datu Dr. Muhammad Abdullah Zaidel, Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan).

Sesi pertukaran MoU telah dilaksanakan sempena Majlis Amanat Perdana Integriti (MAP-i) 2023 pada 14 September 2023 yang disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Primer Sarawak.

*The signing ceremony of the Memorandum of Understanding (MoU) between IIM and the Sarawak government represented by the Integrity Unit and the Sarawak Ombudsman (UNIONS) took place on 7 September 2023 at the main meeting room, Wisma Bapa Malaysia.*

*Chief Executive Officer of IIM, YBhg. Datuk Nor Yahati binti Awang represented IIM to sign the MoU while the Sarawak government was represented by the director of Sarawak integrity and Ombudsman Unit (UNIONS), YBrs. Tuan Haji Semawi Haji Mohamad. The event was witnessed by YBhg. Datu Dr. Muhammad Abdullah Zaidel, Deputy Secretary to the Sarawak Government (Economic Planning and development).*

*The MoU exchange session will be held in conjunction with the 2023 integrity Premier mandate Council (MAP-i) which will take place on September 14, 2023 which will be completed by YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier of Sarawak.*



# INTEGRITI DAN OMBUDSMAN SARAWAK (UNION DAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)



## INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) DAN KERAJAAN SARAWAK JALIN KERJASAMA STRATEGIK **PERKUKUH NILAI INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH**

*THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY (IIM) AND SARAWAK  
GOVERNMENT ESTABLISH STRATEGIC COOPERATION TO **STRENGTHEN  
INTEGRITY, GOVERNANCE AND ANTI-CORRUPTION VALUES***

Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Kerajaan Sarawak telah melancarkan Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPs) dan Modul Integriti Kepimpinan Masyarakat (MIKM) bersempena penganjuran Majlis Amanat Perdana Integriti (MAP-i) 2023 yang telah dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak pada 14 September 2023 bertempat di Kuching, Sarawak.

Majlis telah disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi IIM; YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Setiausaha Kerajaan Sarawak; dan YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM.

Selari dengan agenda utama MAP-i 2023 bagi memperkasakan pembudayaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah merangkumi setiap lapisan masyarakat di Sarawak, IIM menerusi inisiatif pembangunan modul MIPs dan MIKM berupaya mendokong aspirasi **"Pertiwiku Berintegriti"** dalam menyebarkan luas

*IIM and the Sarawak government have launched the Sarawak Enforcement Integrity module (MIPs) and community leadership integrity module (MIKM) in conjunction with the 2023 integrity Premier mandate Council (MAP-i) which was inaugurated by YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier of Sarawak on 14 September 2023 at Kuching, Sarawak.*

*The ceremony was witnessed by YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Chief Secretary to the state cum Chairman of IIM; YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Sarawak State Secretary; and YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Chief Executive Officer of IIM.*

*In line with the main agenda of MAP-i23 to strengthen the culture of Integrity, Governance and anti-corruption at every level of society in Sarawak, IIM through the MIPs and MIKM module development initiative is able to support the aspirations of **"Pertiwiku Berintegriti"** in disseminating partnerships on integrity to the grassroots level. It can directly lead to effective service delivery and at the same time create sustainable*

“ MAP-i 2023 bagi memperkasakan pembudayaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah merangkumi setiap lapisan masyarakat di Sarawak, IIM menerusi inisiatif pembangunan modul MIPs dan MIKM berupaya mendokong aspirasi **“Pertiwiku Berintegriti”** dalam menyebarkan perkongsian mengenai integriti ke peringkat akar umbi. ”

perkongsian mengenai integriti ke peringkat akar umbi. Ia secara langsung dapat membawa kepada penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan sekaligus mewujudkan nilai pembangunan yang mampan kepada rakyat Sarawak.

*development value for the people of Sarawak.*

*The MIPs, which has been implemented since June 12, 2023, is a commitment by IIM and the Sarawak integrity & Ombudsman Unit (UNIONS) to improve the understanding and appreciation of Sarawak enforcement officers on integrity and Ethics in carrying out their duties and responsibilities. Since its implementation, this module has benefited a total of 59 Sarawak enforcers from various agencies by implementing three (3) main submodules considering the concept and philosophy of integrity; integrity as an enforcer; and the cultivation of integrity in the organization. The three (3) submodules in question are the introduction of ethics and integrity; Do the Right thing vs. Do things Right; and the culture of integrity in the organization.*



*While the MIKM, which began to be implemented since June 14, 2023 in Sibu, Sarawak, has helped more than 30 community leaders and community leaders (KMKK) consisting of Penghulu, Kapitan, Tuai Rumah and village heads. This module is directly seen to increase the level of understanding of integrity values among KMKK in Sarawak as a guide in building basic competencies to form community*

MIPs yang telah dilaksanakan mulai 12 Jun 2023 ini merupakan komitmen IIM bersama Unit Integriti & Ombudsman Sarawak (UNIONS) bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan pegawai penguat kuasa Sarawak mengenai integriti dan etika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Sejak ia dilaksanakan, modul ini telah memanfaatkan seramai 59 penguat kuasa Sarawak daripada pelbagai agensi dengan menerapkan tiga (3) submodul utama mengambil kira konsep dan falsafah integriti; integriti sebagai seorang penguat kuasa; dan pembudayaan integriti dalam organisasi. Tiga (3) Submodul yang dimaksudkan adalah Pengenalan Etika dan Integriti; *Do The Right Thing vs Do Things Right*; dan Pembudayaan Integriti dalam Organisasi.

*leaders who have integrity, have good leadership and are able to become icons to the local community.*

*At the event, there was also an exchange of Memorandum of Understanding (MoU) between IIM and the Sarawak government to establish strategic cooperation, especially in developing programs, implementing research and publications in a joint venture covering aspects of awareness and advocacy on policies and the cultivation of Integrity, Governance and anti-corruption values in the corporate sector and the public sector in general in Sarawak.*

Manakala MIKM yang mula dilaksanakan sejak 14 Jun 2023 di Sibu, Sarawak ini telah membantu lebih 30 Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) yang terdiri daripada Penghulu, Kapitan, Tuai Rumah dan Ketua Kampung. Modul ini secara langsung dilihat dapat meningkatkan tahap pemahaman nilai-nilai integriti di kalangan KMKK di Sarawak sebagai panduan dalam membina kompetensi asas bagi membentuk pemimpin masyarakat yang berintegriti, mempunyai kepimpinan yang baik serta mampu menjadi ikon kepada komuniti setempat.

*In addition to the MAP-i 2023, the National Integrity Conference (PiNK) will also be held on September 15, 2023. IIM was represented by YBhg Dato' Sri Akhbar Satar, a member of the IIM Board of Directors as a member of the Forum Panel entitled **“Leading Governance with Integrity”**.*

*The event was attended by more than 4,000 participants including state and federal civil servants, religious institutions, enforcement agencies, Non-Governmental Organizations (NGOs) and others while a total of 12,000 participants watched virtually.*

“ MAP-i 2023 to strengthen the culture of Integrity, Governance and anti-corruption at every level of society in Sarawak, IIM through the MIPs and MIKM module development initiative is able to support the aspirations of **“Pertiwiku Berintegriti”** in disseminating partnerships on integrity to the grassroots level. ”

Pada majlis ini juga turut berlangsung Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara IIM dan Kerajaan Sarawak bagi menjalin kerjasama strategik khususnya membangunkan program-program, melaksanakan penyelidikan dan penerbitan secara usaha sama yang merangkumi aspek kesedaran dan advokasi berkenaan dasar dan pembudayaan nilai integriti, governans dan anti rasuah dalam sektor korporat dan sektor awam secara umumnya di Sarawak.

Disamping penganjuran MAP-i 2023, turut akan diadakan Persidangan Integriti Kebangsaan (PiNK) pada 15 September 2023. IIM telah diwakili oleh YBhg Dato’ Sri Akhbar Satar, Ahli Lembaga Pengarah IIM sebagai Ahli Panel Forum bertajuk **“Leading Governance With Integrity”**.

Majlis telah dihadiri seramai lebih 4,000 orang peserta merangkumi penjawat awam negeri dan persekutuan, Institusi keagamaan, Agensi Penguatkuasaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain manakala seramai 12,000 orang peserta menyaksikan secara maya.



# Forum bertajuk **“Leading Governance with Integrity”** dalam Persidangan Integriti Kebangsaan (PiNK)

Forum entitled **“Leading Governance with Integrity”** at the National Integrity Conference (PiNK)

YBhg. Dato’ Sri Akhbar Satar, Ahli Lembaga Pengarah, IIM telah menyampaikan Forum bertajuk **“Leading Governance With Integrity”** dalam Persidangan Integriti Kebangsaan (PiNK) bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK).

PiNK turut dihadiri oleh YB Dato’ Murshid DiRaja, Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti Dan Ombudsman); YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan pegawai-pegawai penguat kuasa Kerajaan Sarawak.

Antara panel lain yang turut sama dalam penganjuran PiNK termasuklah YBhg. Dato’ Mohamad Zamri Zainul Abidin, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AML) SPRM yang membincangkan berkenaan *“Investigation Efforts to Combat Grand Corruption and Money Laundering”* dan perkongsian daripada YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Mantan Ketua Pengarah, Pusat Governans Integriti Dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) berkenaan *“Managing Integrity”*.



*YBhg. Dato’ Sri Akhbar Satar, member of the Board of Directors, IIM presented a Forum entitled “Leading Governance with Integrity” at the National Integrity Conference (PiNK) at The Borneo Convention Centre Kuching (BCKK).*

*PiNK was also attended by YB Dato’ Murshid DiRaja, Dr. Juanda Jaya, Deputy Minister in Sarawak Premier Department (integrity and Ombudsman); YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Chief Executive Officer of IIM and enforcement officers of the Sarawak Government.*

*Among the other groups that participated in the PiNK organizing included YBhg. Dato’ Mohamad Zamri Zainul Abidin, Director of the MACC’s money laundering and forfeiture (AML) Division, discussed the “Investigation Efforts to Combat Grand Corruption and Money Laundering” and the partnership from YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, former Director-General, National Governance Integrity and Anti-Corruption Centre (GIACC) on “Managing Integrity”.*



TEMU BUAL/LIPUTAN  
DI MEDIA



Temubual Eksklusif YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM bersama RTM Sarawak bersempena penganjuran **Majlis Amanat Perdana Integriti (MAP-i)** pada 14 September 2023 bertempat di Kuching, Sarawak.



JUMAAT | 08 SEPT 2023  
9.00 - 10.00 Pagi



**IZAL ARIF ZAHRUDIN**  
Pengurus Besar Kanan (T), Bahagian Operasi,  
Institut Integriti Malaysia (IIM)

**MAJLIS AMANAT  
PERDANA INTEGRITI 2023 (MAP-i23)**



Saluran  
Astro 502, unifi TV 631, MyTV 121  
Stesen Litar  
Facebook & YouTube BERNAMA TV

Temubual Eksklusif bersama Encik Izal Arif Zahrudin, Pengurus Besar Kanan (T), Bahagian Operasi, Institut Integriti Malaysia (IIM) yang akan mengulas mengenai **Majlis Amanat Perdana Integriti 2023 (MAP-i23)**.

Temubual Eksklusif bersama Encik Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Program Bitara & Komuniti, Institut Integriti Malaysia yang akan mengulas mengenai **"Majlis Amanat Perdana Integriti 2023 (MAP-i23)"**.




LIVE

**MAJLIS AMANAT  
PERDANA  
INTEGRITI 2023  
(MAP-i23)**

TEMU BUAL EKSKLUSIF  
BERSAMA:

**MOHD RAIS RAMLI**  
Ketua Seksyen Program  
Bitara & Komuniti



ISNIN • 4 SEPTEMBER 2023 • 8.30 PAGI

Tonton di Saluran 501 Boleh juga ditonton di

# TEMU BUAL/LIPUTAN DI MEDIA

## Abang Johari beri jaminan naikan gaji penjawat awam Sarawak sebelum bersara

2023-09-14T19:36:50+08:00

**PELANCARAN KRITI PENGUAT KUASA SARAWAK (MIPS) DAN KRITI KEPIMPINAN MASYARAKAT (MIP-1)**

Abang Johari (empat kanan) merasmikan Majlis Amanat Integriti 2023 dan Perasmian Pendidikan Integriti Kebangsaan di BCCK, hari ini. Turut kelihatan (dari kanan) Juanda, Abu Bakar, Zaki, Uggah dan Dr Sim. - Gambar Penerangan

KUCHING: Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg memberi jaminan akan menaikkan gaji penjawat awam Sarawak sebelum beliau bersara dalam dunia politik.

## Premier: Sarawak not being parochial in reclaiming rights under MA63

BY MARILYN TEN ON SEPTEMBER 14, 2023, THURSDAY AT 8:33 PM

Abang Johari speaks during the MIP-1 at the Borneo Convention Centre Kuching today. - Penerangan photo

KUCHING (Sept 18): Sarawak is not trying to be parochial through its pursuance of the restoration of its rights under the Malaysia Agreement 1963 (MA63), said Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

## Premier: Proposed S'wak Ombudsman Ordinance to introduce system that reports directly to state legislature

MARILYN TEN ON SEPTEMBER 14, 2023, THURSDAY AT 7:14 PM

Abang Johari (centre) with (from third left) Dr Sim, Uggah, Mohd Zuki, Abu Bakar, Juanda and others showing the newly launched Integrity Module book. - Penerangan photo

KUCHING (Sept 14): The proposed Ombudsman Ordinance to be tabled in the Sarawak State Legislative Assembly (DUN) Siting this November will introduce a system that reports directly to the state legislature, said premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

## IIM beri sokongan kepada Sarawak budayakan integriti

KUCHING, 15 September— Institut Integriti Malaysia (IIM) akan memberi sokongan kepada kerajaan Sarawak bagi membudayakan integriti sekali gus menjadi negeri pertama yang...

## SUARA SARAWAK

### Tiga tonggak asas kekalakan kemakmuran Sarawak

@inews SARAWAK, UTAMA 14 Ogos 2023 1:40 pm

KUCHING: Kemakmuran jangka panjang dapat dikekalkan jika tiga tonggak asas iaitu tadbir urus, integriti, dan antirasuah diamalkan, kata Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Timbalan Premier itu berkata, tiga kunci tersebut akan menjamin kemajuan berterusan bagi negeri ini untuk mengejar kemakmuran dalam tempoh mendatang.

## Laporan kepada Sistem Ombudsman Sarawak akan dibentang di DUN

By Amrah Shahril @im, Berita Sarawak September 14, 2023

KUCHING, 14 Sept: Cadangan untuk membentangkan Sistem Ombudsman Sarawak pada November ini akan membentangkan laporan salah guna kuasa dibawa ke Dewan Undangan Negeri (DUN), kata Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

## Program Bina Integriti Komuniti berkesan tingkatkan mutu perkhidmatan PBT

By Yusuf Shukri @im, Berita Sarawak

KUCHING, 14 Ogos: Dewan Bandaraya Sarawak (DBS) dan Dewan Bandaraya Kota Bharu (DBKB) merupakan pihak berkuasa...

## Kerajaan Sarawak tegas tetapkan hala tuju jabatan, PBT tumpu kepada ketelusan

2023-08-14T16:55:12+08:00

Juanda (dua kiri) menyampaikan sebuah buku gambar CIB kepada Dr Sim (tiga kanan) di majlis itu sebagai cenderamata pada perasmian Bengkel TOT CIB 2023 di Kuching hari ini.

## Deputy Premier: Fortifying core values at all levels vital for S'wak's long-term prosperity

BY MARILYN TEN ON AUGUST 14, 2023, MONDAY AT 2:31 PM

KUCHING (Aug 14): Deputy Premier Datuk Seri Sim Kui Hian said that fortifying core values at all levels is vital for Sarawak's long-term prosperity.

## Bengkel ToT bantu tingkat Integriti PBT Sarawak

BY AMRAH SHUKRI @IM, 14 Ogos 2023 10:03 COMMENTS 113 VIEWS

KUCHING: Sebanyak 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sarawak terlibat dalam Bengkel Train-of-Trainer (ToT) bagi Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk melatih dan membangunkan kapasiti fasilitator tempatan.

Menurut kenyataan media pada Isnin, bengkel berkenaan merupakan mekanisme pendekatan holistik yang bertaras kepada konteks tempatan dalam membantu mengatasi kaedah penyelesaian bersasar bagi meningkatkan pembedayaan dan amalan integriti dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan awam, khususnya yang melibatkan PBT.

## Program CIB Wujud Tadbir Urus Yang Bertanggungjawab & Telus

ISIN, 14 Ogos 2023

KUCHING: Program Bina Integriti Komuniti (CIB) dapat mewujudkan tadbir urus yang lebih bertanggungjawab dan telus.





Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Profesor Dr Sim Kui Hian berkata, program CIB menampilkan pendekatan holistik untuk mengukir integriti dan membina rasuah melalui penglibatan aktif masyarakat.

Program Bina Integriti Komuniti (CIB) dapat mewujudkan tadbir urus yang lebih bertanggungjawab dan telus.





Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Profesor Dr Sim Kui Hian berkata, program CIB menampilkan pendekatan holistik untuk mengukir integriti dan membina rasuah melalui penglibatan aktif masyarakat.

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM



BIL 	PROJEK 	AGENSI 	TARIKH 
<b>JULAI</b>			
1	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	31 Julai 2023 - 2 Ogos 2023
2	CRA OACP - Pemurnian	Malaysia Competition Commission (MyCC)	3-4 Julai 2023
3	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Sabah Energy Sdn Bhd	3-5 Julai 2023
4	Pelan Tindakan OACP ABMS	Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII)	10-12 Julai 2023
5	OACP ABMS - ABMS Interpretation	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	11-12 Julai 2023
6	Bengkel Pemurnian CRA OACP	MAQIS	17-18 Julai 2023
7	Awareness ABMS	Board of Engineers Malaysia (BEM)	5-26 Julai 2023
8	Taklimat CRA OACP	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	18 Julai 2023
9	Bengkel Pemurnian CRA OACP	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	20-21 Julai 2023
10	CRA OACP - Development of ABMS Documentation	Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII)	26-28 Julai 2023
11	ABMS - CRA	Kementerian Perpaduan Negara	10-12 Julai 2023

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM

BIL 	PROJEK 	AGENSI 	TARIKH 
<b>OGOS</b>			
1	Pelan Tindakan CRA OACP	Suria Capital Holdings	1-2 Ogos 2023
2	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	9-11 Ogos 2023
3	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Melaka Bekal Sdn Bhd	7-9 Ogos 2023
4	ABMS - Document of Development ABMS	Kementerian Perpaduan Negara	14-16 Ogos 2023
5	CRA OACP - Taklimat	Air Kelantan Sdn Bhd	17 Ogos 2023
6	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Air Kelantan Sdn Bhd	22-24 Ogos 2023
7	CRA OACP -Taklimat	Sabah Energy Sdn Bhd	21 Ogos 2023
8	CRA OACP - CRA & Data Analysis	Sabah Energy Sdn Bhd	28-30 Ogos 2023
9	Pelan Tindakan CRA OACP	Melaka Bekal Sdn Bhd	23-24 Ogos 2023
10	Semakan Pemantauan dan Pelaksanaan OACP	Jabatan Kewangan Negeri Perak	11 Ogos 2023

BIL 	PROJEK 	AGENSI 	TARIKH 
<b>SEPTEMBER</b>			
1	Pelan Tindakan CRA OACP	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	4-5 September 2023
2	Bengkel Pemurnian CRA OACP	Suria Capital Holdings	5-6 September 2023
3	Pelan Tindakan CRA OACP	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	4-5 September 2023
4	Pelan Tindakan CRA OACP	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	7-8 September 2023
5	Bengkel Pemurnian CRA OACP	Melaka Bekal Sdn Bhd	7-8 September 2023
6	Taklimat CRA OACP	Majlis Perbandaran Bentong	11 September 2023
7	ABMS - Document of Review	Kementerian Perpaduan Negara	18-20 September 2023
8	ABMS - Internal Audit	Kementerian Perpaduan Negara	21-22 September 2023
9	CRA OAC - Pemurniaan	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	25-26 September 2023
10	CRA OACP - Pelan Tindakan	Air Kelantan Sdn Bhd	13-14 September 2023

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM

5 SEPTEMBER 2023



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah melaksanakan **Bengkel Pelan Tindakan** untuk Jabatan Pendidikan Tinggi - JPT pada 4 dan 5 September 2023 di Putrajaya.

Bengkel yang dihadiri oleh wakil-wakil bahagian bertujuan untuk menentukan inisiatif, pelaksana, tempoh dan kuadran untuk risiko-risiko yang dikenal pasti serta strategi dan objektif strategik untuk setiap bidang keutamaan.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Nurul Shafinas Mohd Daud dan Encik Mazwane Musa, Konsultan Seksyen Pengurusan Integriti, IIM.

6 SEPTEMBER 2023

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyampaikan ceramah bertajuk **Konsep Pembudayaan & Penghayatan Integriti dalam Organisasi** sempena **Kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Integriti dan Pematuhan Standard** pada 6 September 2023 bertempat di Auditorium Jabatan Pengurusan PDRM, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Ceramah telah dihadiri oleh pegawai-pegawai pelbagai pangkat dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Kuala Lumpur.



Sesi ceramah telah disampaikan oleh En. Suhaimi Bin Mohd Noh, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM

7 & 8 SEPTEMBER 2023



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah melaksanakan **Bengkel Pelan Tindakan** untuk Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada 7 dan 8 September 2023 di Menara MAINS, Seremban.

Bengkel yang dihadiri oleh wakil-wakil bahagian bertujuan untuk menentukan inisiatif, pelaksana, tempoh dan kuadran untuk risiko-risiko yang dikenalpasti serta strategi dan objektif strategik untuk setiap bidang keutamaan.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Nurul Shafinas Mohd Daud dan Encik Mazwane Musa, Konsultan Seksyen Pengurusan Integriti, IIM.

20 & 21 SEPTEMBER 2023

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah melaksanakan **Bengkel 'Internal Audit Training' Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS)** bagi Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 20 dan 21 September 2023 di Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya.

Bengkel yang dihadiri oleh wakil-wakil bahagian dan jabatan dibawah KPN bertujuan untuk memberi penerangan mengenai teori audit dalaman dan metodologi/kaedah audit termasuk pelaporan audit. Peserta juga telah menjalankan aktiviti 'mock-audit' untuk memberi pendedahan semasa menjalankan audit dalaman.



Sesi ini dikendalikan oleh Encik Mazwane Musa dan Encik Nur Imran Mohd Shaili, Konsultan Seksyen Pengurusan Integriti, IIM.

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM

25 & 26 SEPTEMBER 2023



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah selesai melaksanakan **Bengkel Pemurnian OACP** bersama Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pada 25 dan 26 September 2023.

Sesi ini melibatkan jawatankuasa OACP dan bertujuan untuk memurnikan Daftar Risiko CRA OACP yang telah dibangunkan serta menyemak Deraf Dokumen OACP agar menepati dengan keperluan seperti yang dikehendaki.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Cik Nur Atia Shahirah Binti Mustapha, Konsultan Seksyen Pengurusan Integriti IIM.

26 SEPTEMBER 2023

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyampaikan **Latihan Susulan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Tatacara Mencukupi** kepada 48 orang peserta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) secara atas talian pada 26 September 2023.

Para peserta telah diberikan pendedahan mengenai peruntukan perundangan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan perinciannya serta mengenal pasti strategi, kaedah dan elemen untuk memaksimumkan keberkesanan program pencegahan rasuah melalui elemen "T.R.U.S.T.". Peserta juga diberi input yang boleh membantu mereka dalam melaksanakan Tatacara Mencukupi bagi membendung gejala rasuah serta mematuhi Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta SPRM 2009.



Latihan ini telah disampaikan oleh Puan Wan Nabilah binti Meor Mohd Jamil Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.

## KUNJUNGAN HORMAT

**YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria**, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM



YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah membuat kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM di Kompleks Setia Perdana, Putrajaya pada 23 Ogos 2023.

Agenda perbincangan merangkumi kerjasama strategik antara IIM dan JPM khususnya dalam pemantapan penerapan dan penghayatan nilai integriti dalam perkhidmatan awam.



Di perjumpaan ini juga, YBhg. Datuk Seri Sollehuddin turut memberi pandangan dan berkongsi idea bagi memantapkan lagi nilai produk dan perkhidmatan IIM.

## KUNJUNGAN HORMAT

### Kementerian Ekonomi

YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat YBhg. Dato' Nor Azmi bin Diron, Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi pada 28 Ogos 2023 di Putrajaya.

Pertemuan ini telah membincangkan cadangan pembangunan Program Integriti dan Governans Baharu dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Delegasi IIM turut disertai oleh Encik Mahummar Gadaffi Sorilaut Omar, Pengurus Besar Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan (PBKK), Encik Izal Arif Zahrudin, Pengurus Besar Bahagian



Operasi (PBO) IIM dan Puan Norasikin Baharudin, Ketua Seksyen Dasar dan Penyelidikan.

### Kementerian Sumber Manusia

YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah mengetuai kunjungan hormat ke Pejabat YB Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 25 September 2023 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya.

Perjumpaan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan cadangan dan hasrat menandatangani Memorandum Kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Antara kerjasama yang dicadangkan adalah penganjuran beberapa program berimpak tinggi seperti aktiviti Bulan Integriti Nasional pada November 2023, Persidangan Sumber Manusia dan juga penyelidikan berkenaan tahap integriti di kalangan majikan.

Selain daripada itu, IIM juga menawarkan beberapa produk seperti pelaksanaan latihan terhadap agensi penguatkuasaan menggunakan Modul Integriti Penguatkuasa (MIP) dan penilaian psikometrik bagi melihat kecenderungan integriti individu.



## KUNJUNGAN HORMAT

### Kementerian Belia dan Sukan (KBS)



YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 26 September 2023 di pejabat KBS.

Tujuan utama perbincangan adalah mengenai pembentangan kertas cadangan IIM berkaitan pelaksanaan *feasibility study* (Kajian Kebolehlaksanaan) untuk mewujudkan Malaysia Sports Integrity di Malaysia. IIM turut menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disediakan dalam usaha peningkatan

integriti dan tadbir urus serta perbincangan mengenai pelbagai bentuk kolaborasi strategik antara IIM dan KBS. Pembentangan telah disampaikan oleh Pn. Norasikin Baharudin Ketua Seksyen Dasar dan Penyelidikan IIM.

Turut hadir ialah Pengurus Besar Kanan Khidmat Korporat Encik Mahummar Gadaffi Sorilaut Omar, Pengurus Besar Operasi, Encik Izal Arif, Encik Zubayry Abady Sofian (Seksyen Perancangan & Strategik Korporat), Encik Mohd Rais Ramli (Seksyen Program Bitara & Komuniti Kamarulzaman (Seksyen Dasar & Penyelidikan).

## KUNJUNGAN HORMAT

### Perbadanan Putrajaya



IIM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato' Tpr. Fadlun Mak Ujud bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 24 Julai 2023. Delegasi kunjungan hormat dari IIM telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (T), YBrs. Encik Mahummar Gadaffi Sorilaut bin Omar dan disertai oleh barisan pegawai kanan dari IIM serta Perbadanan Putrajaya.

Matlamat utama kunjungan hormat ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dan kolaborasi antara IIM dan Perbadanan Putrajaya dalam usaha untuk mengukuhkan lagi penerapan serta pembudayaan nilai-nilai integriti melalui pelaksanaan pelbagai program di peringkat kakitangan mahupun komuniti di Putrajaya.

Antara cadangan pengisian program yang akan dirancang secara bersama adalah seperti penganjuran Karnival Komuniti Putrajaya pada bulan September 2023 dan Sambutan Bulan Integriti Nasional pada bulan November 2023.



Perbadanan Putrajaya turut menzahirkan hasrat untuk bekerjasama dengan IIM dalam mengukuhkan lagi aspek integriti melalui elemen tata kelola, pembangunan komuniti dan penguatkuasa melalui pelaksanaan

konsultasi *Anti-Bribery Management System (ABMS)*, Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) dan Modul Integriti Penguat kuasa (MIP) yang akan dijalankan dalam masa terdekat.

## KUNJUNGAN HORMAT

### Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW)

YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif, IIM telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) yang diketuai oleh En. Jais Abdul Karim, Presiden MCW pada 29 Ogos 2023.

Perbincangan menjurus kepada pelbagai peluang kerjasama strategik khususnya melalui inisiatif pembudayaan integriti yang berteraskan anti rasuah kepada pelbagai kumpulan sasar. Antaranya termasuklah cadangan melaksanakan program pembudayaan integriti dalam kalangan mahasiswa serta penerbitan mesej pendidikan anti rasuah dalam bentuk video pendek.



IIM turut diwakili oleh Encik Mahummar Gadaffi Sorilaut Omar, Pengurus Besar Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Encik Izal Arif Zahrudin, Pengurus Besar Kanan Bahagian Khidmat Operasi.



## KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat daripada **Encik Mahmoud Tatari**, General Manager, Halal Control GmbH (Germany)



antarabangsa antara IIM dan Halal Control GmbH (Germany) berkaitan integriti dan governans. Ini selari dengan teras utama baharu IIM dalam memperkasakan aspek Pendidikan, Advokasi dan Latihan, Penyelidikan dan Penerbitan serta Kerjasama Strategik.

*The Malaysian Institute of integrity (IIM) received a courtesy call from Mr. Mahmoud Tatari, General Manager, Halal Control GmbH (Germany) on 19 September 2023 at IIM, Putrajaya.*

IIM telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Mahmoud Tatari, General Manager, Halal Control GmbH (Germany) pada 19 September 2023 bertempat di Pejabat IIM, SP5 Putrajaya.

Kunjungan ini telah disambut oleh Puan Norasikin Baharudin, Ketua Seksyen Dasar dan Penyelidikan yang mewakili YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pegawai Eksekutif IIM. Puan Alida Mahmud, Timbalan Ketua Seksyen Perancangan dan Strategik Korporat telah turut membentangkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh IIM.

Pada pertemuan tersebut, Encik Mahmud Tatari telah membentangkan pelbagai inisiatif integriti yang dilaksanakan di German dalam usaha memastikan sektor halal German tidak terjejas dengan isu-isu rasuah dan isu-isu tidak berintegriti. Beliau sangat mengalu-alukan kerjasama antara di peringkat

*IIM was represented by Puan Norasikin Baharudin, head of Policy and Research section representing YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Chief Executive Officer of IIM. Puan Alida Mahmud, Deputy Head of Corporate Planning and strategic section also presented the products and services provided by IIM.*

*During meeting, Mr. Mahmoud Tatari presented the initiatives implemented in Germany to ensure that the German halal sector is free of corruption and issues of integrity. He is looking forward to have a strategic collaboration between IIM and Halal Control GmbH (Germany) on integrity and governance. This aligns with IIM's new core values of improving Education, Advocacy and Training, Research and Publication, and Strategic Cooperation.*



**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**  
**The Malaysian Institute of Integrity**

Aras 3 & 6, Setia Perdana 5, Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia  
Tel : 603-6209 2000 E-mel : feedback@iim.gov.my

**[www.iim.gov.my](http://www.iim.gov.my)**

